

Pelajar ponteng ada pelindung

KOSMO 16/07/02 M1513

Eksklusif!

Oleh WARTAWAN KOSMO!
berita@kosmo.com.my


KUALA LUMPUR - Gejala ponteng sekolah semakin menjadi-jadi di ibu kota dan salah satu puncanya kerana terpengaruh dengan penglibatan orang luar yang dikenali sebagai 'abang kawasan'.



'Abang Kawasan' merupakan orang dewasa yang didakwa mempengaruhi pelajar supaya memonteng dan dipercayai membekalkan rokok kepada

mereka di satu-satu lokasi tertentu. Menurut sumber, kehadiran 'abang kawasan' dikatakan sebagai pelindung kepada kumpulan pelajar tertentu daripada diganggu dan dikesan pihak berkuasa.

Tinjauan Kosmo! mendapati, sekumpulan pelajar sekolah menengah di sekitar ibu kota memenuhi sekitar stesen bas Jalan Pekeliling Lama berhampiran stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Titiwangsa di sini sepanjang sesi persekolahan juga mempunyai 'abang kawasan' sendiri. Tinjauan selama hampir empat



SEKUMPULAN pelajar yang dipercayai ponteng sekolah di sekitar Hentian Pekeliling, Kuala Lumpur semalam.

jam bermula pukul 7.30 hingga 11.30 pagi di Jalan Sultan Ismail berhampiran The Mall hingga ke Jalan Pekeliling Lama mendapati, beberapa kumpulan pelajar lelaki dan perempuan menjadikan kawasan tersebut sebagai lokasit melepak, menghisap rokok dan melakukan perbuatan tidak bermoral.

Tindakan mereka yang tidak segan-silu berpelesenan dengan berpakaian seragam sambil menghisap rokok dan berpimpin tangan antara

lelaki dan perempuan dan kadangkala didatangi orang luar yang dipercayai 'abang kawasan'.

Seorang pemandu teksi, Ismail Ahmad, 52, memberitahu, pelbagai usaha dilakukan termasuk menasihati pelajar tersebut, namun usaha itu seakan-akan 'mencurahkan air ke daun keladi' kerana pelajar terbabit dianggap tidak makan saman.

"Mereka jadikan kawasan ini sebagai tempat melepak merokok, bergelak ketawa, menghidu gam dan

tempat bercengkerama," katanya di sini semalam.

Tambahnya, hampir setiap hari dia melihat pelajar tersebut dan bilangannya sehingga 40 hingga 50 pelajar pada waktu-waktu tertentu.

Difahamkan, kumpulan pelajar terbabit dari sekolah-sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur dan gejala ini telah berlaku sejak sekian lama.

Sementara itu, seorang peniaga yang mahu dikenali sebagai Pak Din

(gambar kecil) memberitahu, dia pernah mengajukan masalah itu ke pada pihak sekolah, tetapi pihak sekolah pula menyatakan ia di luar bidang kuasa mereka kerana pelajar itu berada di luar sekolah.

"Apabila diajukan kepada pihak polis, polis pula menjawab mereka masih tidak mempunyai kuasa untuk menangkap pelajar ponteng," ujarnya.

Pak Din memberitahu beberapa bulan lalu lokasi tersebut pernah diserbu oleh pihak berkuasa termasuk dari Kementerian Pelajaran sendiri, tetapi kini gejala tersebut berulang kembali, malah ia semakin menjadi-jadi.

Wartawan Kosmo! cuba menghampiri pelajar terbabit dan mendapati salah seorang daripada mereka sedang memegang rokok yang digulung daripada sejenis kertas, tetapi menyembunyikan tangannya ke belakang setelah menyedari mereka diperhatikan.

Kosmo! juga telah menghubungi Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mendapatkan penjelasan berhubung masalah tersebut dan Pengarahnya, Mohd. Radzi Abd. Jabar berkata, jabatan memandang serius masalah tersebut kerana ia sedikit sebanyak akan menyebabkan peratusan akademik di Kuala Lumpur menurun.

Radzi berkata, pihaknya baru-baru ini telah mengadakan Kempen Anti Ponteng dan ia melibatkan pelbagai pihak termasuk polis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, guru sekolah dan juga ibu bapa.